

<http://kampusuols.com/article/174672/U-In-News/JOHOR/Si-cilik-Adawiyah-dan-tiga-rakan-bawa-pulang-pingat-emas-dari-1st-INO-Iran>

24 April 2018

Si cilik Adawiyah dan tiga rakan bawapulang pingat emas dari 1st INO, Iran

BATU PAHAT – Pasukan Malaysia yang diketuai oleh Rabi'atul 'Adawiyah Zayadi, penuntut ijazah kedoktoran (Ph.D) dari Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) telah berjaya meraih pingat emas bagi kategori Sains dan Teknologi dalam pertandingan 1st International Nanotechnology Olympiad (INO) yang diadakan pada 9 hingga 15 April lalu di Pardis Technology Park, Tehran, Iran.

Adawiyah dari Fakulti Sains Gunaan dan Teknologi (FAST), UTHM mewakili pasukan Malaysia bersama tiga lagi rakan siswa iaitu Ho Kah Chun; penuntut Ph.D dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Joshua Soo Zheyuan; penuntut Ph.D dari Universiti Malaya (UM) dan Muhamad Sollehin Idris; penuntut sarjana, juga dari UM. Keempat-empat mereka ini juga merupakan penerima medal emas dalam Olympiad Nanoteknologi Malaysia (ONM) sebelumnya.



“Saya dan rakan-rakan amat bersyukur kerana dapat mewakili Malaysia serta membawapulang pingat emas sekaligus mengharumkan nama negara dalam pertandingan berbentuk ilmiah peringkat antarabangsa ini,” kata Adawiyah yang juga merupakan Setiausaha bagi Persatuan Pelajar Siswazah (GSA) di UTHM.

Pengalaman yang dikutip sepanjang ONM dan INO amat berharga bagi Adawiyah dan rakan sepasukannya kerana mereka dapat menambah ilmu pengetahuan dan pengalaman di dalam nanoteknologi mereka di

samping dapat memperbaiki kemahiran insaniah serta menambah kenalarisan erasat dunia.



Siswicihkinberharapkemenanganinidapatmenjadipemangkinsemangatuntuknyameneruskanpenyelidikan dan pengajian peringkat Ph.D di UTHM terutamadalambidangnanoteknologi bagimenyumbangkepadanegaradankelestarianalamsekitarkhususnya.

Selainitu, pingatemasbagikategorinovelti, perniagaandankeseluruhan, masing-masingdiraiholeh pasukan Korea Selatan, Iran 1 dan Taiwan.



Dalam pertandingan ini, pasukan yang bertanding perlumembentangkan satu produk berasaskan nanoteknologi sebagai solusi rawatan air. Antara aspek yang dinilai dalam kriteria pemarkahan ialah ketulenan idea, analisis paten, Technical Readiness Level (TRL), Manufacturing Readiness Level (MRL), penilaian kesihatan, keselamatan dan alam sekitar, ujian makmal dan prototaip, pelan perniagaan serta pelan pemasaran.

Pasukan Malaysia telah mengusulkan produk mereka iaitu *Nano-Palm Frond Titania Fiber (PFTF) Membrane (Reduction of Methylene Blue Dye and Hexavalent Chromium)*. Nano-PFTF dibangunkan berasaskan konsep waste to wealth yang mana pelepah kelapa sawit digunakan untuk menghasilkan cellulose acetate yang boleh digunakan untuk fabrikasi membran nanofiber bagi merawat air sisa yang mengandungi bahan pencemar organik dan tidak organik.



Turutsertakepertandinganitu, IsmarulNizam Ismail dariPusatNanoteknologiKebangsaan (NNC) selakuPengurus, Dr. Abdul MutalibMdJanidariUniversitiTeknologi Mara (UiTM) selakuPenasihatdanseorangjuriteknikalProfesorMadya Dr. Khamirul Amin MatoridariUniversiti Putra Malaysia (UPM).

Pertandingan INO iniadalahaktiviti yang julung kali dianjurkan di bawahPertubuhan Asia Nano Forum (ANF) danuntukpertamakalinyaiadikendalikanoleh Iran Nanotechnology Initiative Council (INIC). Malaysia jugamerupakanahlikepada ANF danturutkomitedmenghantarpasukan Malaysia di bawahkendalianPusatNanoteknologiKebangsaan (NNC), KementerianSains, TeknologiandanInovasi.